

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN  
[ BATU SAPI ]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membantu pekebun dan peladang mengatasi masalah kejatuhan harga getah asli dan minyak mentah kelapa sawit.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Harga komoditi utama negara seperti getah dan sawit bergantung kepada permintaan dan penawaran antarabangsa. Selain itu, ianya juga bergantung kepada pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama seperti China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Pakistan dan India.

Kerajaan memahami kesan penurunan harga getah asli dan sawit ke atas pendapatan para pekebun kecil getah dan sawit. Dalam kes industri sawit, bagi membantu meningkatkan eksport, Kerajaan mulai 4 September 2014 telah pun memberikan pengecualian duti eksport ke atas minyak sawit mentah bagi tempoh September hingga Disember 2014. Selain itu, lain-lain langkah berterusan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah:

- i. Meningkatkan kadar adunan di bawah Program Biobahan Api dari B5 (adunan 5% biobahan api sawit dengan 95% diesel petroleum) ke B7 (adunan 7% biobahan api sawit dengan 93% diesel petroleum) mulai Januari 2015. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan minyak sawit mentah dalam negara sehingga 500 ribu tan setahun;
- ii. Menyediakan insentif tanaman semula kepada para pekebun kecil bagi menanam semula kawasan-kawasan yang tidak produktif dan mengurangkan penawaran minyak sawit dalam negara;
- iii. Meningkatkan usaha-usaha promosi produk-produk sawit di pasaran-pasaran sedia ada dan pasaran-pasaran baru; dan
- iv. Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti R&D bagi mempelbagaikan produk-produk baru berasaskan sawit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam kes industri getah, Kerajaan prihatin kesan penurunan harga ke atas pendapatan para pekebun kecil memandangkan hampir 95% daripada pengusaha adalah golongan ini. Langkah-langkah yang dilaksanakan termasuk:

- i. Pemberian *one-off* sebanyak RM500 yang telah diberikan pada tahun 2013 dan 2014;
- ii. Menyediakan insentif tanaman semula terutamanya kepada pekebun kecil bertujuan mengurangkan bekalan dan meningkatkan produktiviti dalam jangka masa yang panjang;
- iii. Melaksanakan mekanisma penetapan harga di ladang melalui penetapan diskaun antara harga FOB dan harga diterima oleh pekebun kecil. Mekanisma ini akan dilaksanakan mulai bulan November 2014 yang mana koperasi pekebun kecil akan membeli getah daripada pekebun kecil pada harga yang ditetapkan dan menjualnya terus kepada pengilang. Dengan berbuat demikian rantai pemasaran antara pekebun kecil dan pengilang akan dipendekkan. Dengan itu, harga di ladang yang diterima oleh pekebun kecil akan dapat dipertingkatkan; dan

- iv. Kerajaan juga akan melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah mulai tahun 2015. Bagi melaksanakan insentif ini, Kerajaan telah memperuntukkan dana awal sebanyak RM100 juta bagi membiayai insentif ini. Dalam hal ini, apabila harga SMR 20 FOB menurun ke paras RM4.60 sekilogram dan ke bawah, Kerajaan akan menyediakan insentif pengeluaran sebanyak RM0.30 sekilogram bagi *cuplumps* dan maksimum RM0.90 sekilogram lateks berdasarkan kepada kandungan getah kering.

Selain itu, di peringkat antarabangsa, Malaysia telah mencadangkan mesyuarat peringkat Menteri di kalangan negara-negara *Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)* pada suku tahun pertama 2015. Ini adalah bertujuan membincangkan dasar mengimbangi penawaran dan permintaan di mana negara-negara ANRPC menyumbang hampir 93% pengeluaran getah asli dunia.

Di samping itu juga, *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* akan bermesyuarat pada 22 November 2014. Ahli-ahli ITRC terdiri daripada Malaysia, Indonesia, dan Thailand. Ketiga-tiga negara ini kini menghasilkan hampir 64% pengeluaran dunia. Matlamat mesyuarat ini adalah untuk menentukan langkah yang harus diambil oleh ketiga-tiga negara untuk membendung penurunan harga getah.

Sekian, terima kasih.